

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG (AKC) TUDM PERINGKAT ZON TENGAH II BAGI TAHUN 2017

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3520-majlis-penyampaian-sijil-anugerah-khidmat-cemerlang-akc-tudm-peringkat-zon-tengah-ii-bagi-tahun-2017



SUBANG, 4 Jun 18 – Majlis Penyampaian Sijil Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) TUDM Peringkat Zon Tengah II bagi tahun 2017 telah diadakan di Dewan Ababil, PU Subang hari ini.

Calon-calon yang dipilih terdiri daripada pegawai dan anggota daripada pelbagai ketukangan dan lapisan pangkat yang berkhidmat di PU Subang, Markas Pendidikan dan Latihan Udara, Rejimen TUDM, INSMAT serta Unit-unit lojer di PU Subang.

Semua penerima menerima Sijil Khidmat Cemerlang dan hadiah prestasi berjumlah RM1000.00 yang diberikan dalam bentuk Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional.

Upacara penyampaian sijil Anugerah Khidmat Cemerlang disempurnakan oleh Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM dan diiringi oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Shamsudin bin Kassim TUDM.

Turut hadir di majlis ini Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Lt Jen Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM; AKS Tadbir, Brig Jen Ahmad bin Abd Rahman TUDM; Ketua Staf Operasi MAWILUD 1, Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Arshad TUDM; Ketua Staf MPPLU, Brig Jen Dato' Hj Sanusi bin Hj Samion TUDM; Pegawai Memerintah Rejimen TUDM, Brig Jen Dato' Hj Mohamed Nazri bin Dashah TUDM serta Pegawai-pegawai dan anggota-anggota LLP dari PU Subang.